



SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Ordinary Level

BAHASA MELAYU

Kertas 3

ORAL EXAMINATION

1148/3

MALAY

Paper 3

SPECIMEN PAPER

With effect from 2024 examination

ARAHAN

1. Peperiksaan Lisan ini terbahagi kepada dua bahagian
 - Bahagian A – Bacaan Lantang
Kamu dikehendaki membaca lantang teks yang diberikan.
 - Bahagian B – Perbualan
Kamu akan menonton klip video. Kemudian, kamu akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.
2. Apabila kamu klik '**START**', kamu mempunyai 10 minit untuk meneliti teks karangan dan menonton klip video.



Singapore Examinations and Assessment Board

**Peperiksaan GCE Singapura-Cambridge Peringkat Biasa
Peperiksaan Lisan Bahasa Melayu (1148/3)**

BAHAGIAN A: BACAAN LANTANG

Wisma Geylang Serai telah dibuka secara rasmi pada Januari 2019. Pastinya, kehadiran bangunan baharu ini telah menyuntik kesegaran dan kemodenan di kawasan Geylang Serai. Di samping itu, bangunan yang diharapkan menjadi ikon masyarakat Melayu ini mampu mengukuhkan identiti dan warisan budaya masyarakat Melayu.

Wisma Geylang Serai turut menempatkan pejabat pelbagai badan Melayu serta agensi sosial dan pemerintah. Usaha ini bertujuan untuk memenuhi aspirasi jangka panjang pemerintah yang ingin menjadikan Wisma Geylang Serai hab sosial dan budaya Melayu Singapura. Dengan menempatkan badan Melayu, agensi sosial dan pemerintah di bawah satu bumbung, usaha untuk menyediakan dan menyelaraskan program yang memenuhi keperluan masyarakat tentunya akan menjadi lebih mudah.

Sememangnya, Wisma Geylang Serai dibina khusus untuk mengekalkan identiti dan warisan budaya masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu memainkan peranan utama untuk menghangatkan suasana di Wisma Geylang Serai dan menyertai program yang diadakan. Namun, masyarakat bukan Melayu juga diharapkan dapat turut menunjukkan minat untuk mengetahui lebih lanjut tentang budaya Melayu agar semangat perpaduan dalam masyarakat majmuk di Singapura boleh dikekalkan.

**Peperiksaan GCE Singapura-Cambridge Peringkat Biasa
Peperiksaan Lisan Bahasa Melayu (1148/3)**

(Untuk kegunaan Pemeriksa Lisan sahaja)

BAHAGIAN B: PERBUALAN

Rangsangan:

1. Adakah kamu ingin mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dipaparkan dalam klip video yang kamu tonton tadi? Mengapa?
2. Bagaimanakah pihak sekolah dapat menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ini?
3. Aktiviti-aktiviti ini dapat membentuk karakter seseorang pelajar. Bersetujukah kamu? Mengapa?

BLANK PAGE

Copyright Acknowledgements:

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.